

Tiada sekatan rasmi terhadap Fahmi Reza

“Harus ditegaskan senarai ini tidak membawa maksud sekatan, sebaliknya sebahagian daripada prosedur pemantauan yang lazim dilaksanakan oleh pihak berkuasa”

Razarudin Husain,
Ketua Polis Negara



liau hanya mengetahui perkara berkenaan selepas dimaklumkan pegawai imigresen ketika berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk berlepas ke Singapura.

BERNAMA

sa,” katanya dalam kenyataan semalam.

Wujud kekeliruan

Berikutan itu Razarudin berkata, terdapat kekeliruan ketika proses semakan di pintu keluar negara yang menyebabkan arahan sekatan pergerakan dikeluarkan secara tidak tepat dan keadaan berkenaan sedang diteliti serta langkah sewajarnya akan diambil, bagi memperkemas prosedur sedia ada.

“PDRM kekal komited dalam melindungi dan menghormati hak kebebasan bergerak kepada setiap



Mohd Fahmi Reza

rakyat Malaysia dan individu berkenaan bebas untuk melakukan perjalanan keluar dan masuk negara seperti biasa, tertakluk kepada sebarang peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen dan undang-undang lain yang berkaitan,” katanya.

Sabtu lalu Fahmi Reza mendakwa dihalang untuk ke luar negara selepas disenarai hitam daripada memasuki Sabah baru-baru ini.

Menerusi hantaran di Facebook, Fahmi Reza berkata, be-

PM arah PDRM beri penjelasan

BERITA HARIAN

09 JUN 2025

m/j: 15.

Kuala Lumpur: Kerajaan MADANI menjunjung tinggi kebebasan individu, selagi tidak menjejaskan keselamatan negara atau melanggar undang-undang sedia ada.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengarahkan Polis Diraja Malaysia mem-

berikan penjelasan mengenai dakwaan pereka grafik, Mohd Fahmi Reza Mohd Zarin yang disekat dari ke luar negara.

“Pejabat Perdana Menteri akan terus memantau perkembangan ini dengan sewajarnya,” katanya dalam kenyataan semalam.

Nama aktivis hanya dalam senarai pemantauan pergerakan untuk rekod PDRM

Kuala Lumpur: Aktivis dan pereka grafik, Mohd Fahmi Reza Mohd Zarin dimasukkan dalam senarai pemantauan pergerakan bagi tujuan rekod dan rujukan dalam Polaris Diraja Malaysia (PDRM).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata nama Fahmi Reza dimasukkan dalam senarai itu kerana siasatan kes membabitkan beliau yang masih dijalankan, tetapi tiada sebarang sekatan rasmi dikenakan terhadapnya.

“Harus ditegaskan senarai ini tidak membawa maksud sekatan, sebaliknya sebahagian daripada prosedur pemantauan yang lazim dilaksanakan oleh pihak berkuasa”